

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR***Department Of Veterinary Services*

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000
Faks : 603-8888 6021
E-mel : pro@dvs.gov.my
Laman Web : www.dvs.gov.my

SIARAN MEDIA

**MAJLIS QURBAN MALAYSIA MADANI SEKAMPUNG
8 JUN 2025 | 9.30 PAGI
KAMPUNG PADANG CHANGKAT, BOTA KANAN, PERAK**

PERAK, 8 JUN 2025: Sebanyak dua ekor lembu spesies Brahman disembelih dalam Majlis Qurban Malaysia Madani Sekampung anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Negeri Perak bertempat di Tapak Qurban Masjid Rahmaniah, Kampung Padang Changkat, Bota Kanan, Perak hari ini.

Menurut YBr. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar DVS, tujuan utama program ini adalah menyantuni penduduk di kawasan Kampung Padang Changkat dan memberi peluang kepada penduduk kampung untuk merasai kenikmatan dan kemeriahan sambutan Hari Raya Aidiladha.

Program ibadah korban ini yang dijalankan serentak di dua lagi buah kampung sekitar Bota Kanan iaitu di Kampung Selat dan Kampung Baru selain Kampung Padang Changkat menjadi landasan terbaik bagi masyarakat di daerah ini dalam menjaga keharmonian dan perpaduan dalam satu komuniti selaras dengan konsep Malaysia Madani.

Bagi tahun ini, bekalan dan ternakan adalah mencukupi di mana anggaran permintaan lembu/kerbau untuk korban adalah sebanyak 34,451 ekor manakala permintaan bagi kambing bebiri adalah sebanyak 22,453 ekor.

DVS juga menyeru kepada pihak yang ingin membuat penyembelihan bagi tujuan korban selain rumah sembelih milik DVS dan rumah sembelih swasta agar untuk mendapatkan permohonan permit penyembelihan luar bersama-sama dokumen-dokumen berkaitan untuk mendapatkan kebenaran.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
8 JUN 2025**